

Newspaper	Berita Harian
Date	9 May 2015

Yakin capai sasaran 55 peratus

BH - 9/5/2015

» Malaysia di landasan betul penuhi matlamat akhir tahun ini: Najib

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia berada pada landasan betul untuk mencapai matlamat 55 peratus kadar penyertaan tenaga kerja wanita tahun ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, matlamat itu boleh dicapai berikutan penyertaan wanita dalam sektor pekeijaan sudah mencecah 53.6 peratus pada tahun 2014 berbanding hanya 46 peratus pada tahun 2009.

Katanya, ini menyaksikan kira-kira 600,000 penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan pertambahan 0.3 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan.

"Ini adalah pencapaian ketara dan saya yakin pada kadar kemajuan ini, Malaysia akan mencapai sasaran 55 peratus menjelang akhir tahun ini," katanya dalam ucapan pada program Pemangkin Perubahan: Meletakkan Wanita Dalam Lembaga Pengarah, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Program itu dianjurkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Wanita, Keluar-



Najib melancarkan '30% Club' cawangan Malaysia sambil diperhatikan Rohani (tengah) dan Idris (dua kiri) pada program Pemangkin Perubahan: Meletakkan Wanita Dalam Lembaga Pengarah di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. [FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

ga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU.

Najib berkata, ketika Malaysia berada pada peringkat akhir untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, ia adalah penting untuk memanfaatkan bakat dan tenaga wanita di negara ini.

Beliau berkata, golongan hawa adalah rakan kongsi dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi serta membina ekonomi produktiviti

tinggi dengan asas betul untuk pertumbuhan mapan.

Pendekatan sukarela Mengenai peranan wanita dalam peringkat pengurusan atasan, Najib mengimbau kembali pada tahun 2011 apabila kerajaan memperkenalkan sasaran 30 peratus wanita pada peringkat pembuatan keputusan menjelang tahun 2016.

Katanya, kerajaan mengamobil pendekatan secara sukarela dengan menggalakkan orang ramai dan syarikat tersenarai untuk menyahut cabaran dan meningkatkan ke-

pelbagaian pengurusan dan pentadbiran mereka.

Beliau berkata, kajian tahun 2015 mengenai gaji oleh Hays, firma pengambilan global, mendapati 34 peratus jawatan pengurusan di negara ini dipegang wanita, menjadikan Malaysia, negara kedua di Asia selepas China.

